

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERSIDANGAN MEDIA UNTUK  
PROMOSI DAN PUBLISITI TABUNG IHSAN SANG WIRA  
OLEH PERSATUAN DOKTOR ISLAM MALAYSIA (ISDAM)  
DI SRI PERDANA, PUTRAJAYA  
PADA HARI JUMAAT, 3 MAC 2000  
JAM 3.30 PETANG**

---

Saya mengucapkan terima kasih kepada ISDAM kerana diberi kesempatan untuk berucap dan seterusnya melancarkan Promosi dan Publisiti Tabung Ihsan Sang Wira.

2. Usaha ISDAM ini adalah sebagai melangsungkan usaha-usaha murni yang telah dijalankan oleh pihak-pihak individu, organisasi atau NGO lain yang telah berjaya mengumpulkan derma-derma untuk membantu membiayai kos perbelanjaan baai rawatan perubatan penyakit.
3. Kos bagi rawatan penyakit buah pinggang dan jantung berlubang adalah tinggi. Mendapatkan sumbangan atau derma adalah amat sukar bagi seseorang pesakit, khususnya golongan miskin untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya.
4. Kos bagi pembedahan jantung berlubang adalah antara RM 10,000 hingga RM 80,000 dan rawatan dialisis bagi penyakit buah pinggang pula adalah dalam lingkungan RM150 hingga RM250 bagi setiap kali rawatan.
5. Kadar pesakit bagi kedua-dua penyakit tersebut di negara ini, adalah pada nisbah 8:1000 kelahiran hidup setiap tahun. Secara rambang bagi penduduk Malaysia yang berjumlah 22 juta orang, pesakit yang mengidap penyakit jantung berlubang adalah seramai 40,000 hingga 60,000 tiap tahun, manakala penyakit buah pinggang pula lebih kurang 2200 kes baru setahun yang memerlukan dialisis.

6. Sebagai Penaung ISDAM, saya menyeru kepada orang ramai khususnya golongan yang berada supaya sudilah menderma kepada tabung ini supaya dapat dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukan bantuan.
7. Saya percaya dengan pemulihan ekonomi negara, para dermawan akan lebih prihatin dan dapat merealisasikan cita-cita menjadi masyarakat penyayang.
8. Dengan kalimah Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini meancarkan Promosi dan Publisiti Tabung Ihsan Sang Wira.

\*\*\*